

# PERISYTIHARAN JUALAN

PEJABAT TANAH KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN  
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

PTKS / Q / 124 / 2024

Dalam perkara mengenai Perintah Jualan menurut Borang 16H (Seksyen 263) Kanun Tanah Negara, 1965;

Dan

Dalam perkara mengenai Gadaian No. Perserahan 2883/1992, Jil. 323 Fol. 35, Hakmilik GM 4426, Lot 3725, Bandar Alor Setar (dahulunya hakmilik HSM 33/1990, PT 783, Mukim Mergong), Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman;

ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN  
SEKTOR AWAM

..... PEMEGANG GADAIAN

DAN

Waris-waris dan/atau Pentadbir Harta Pusaka  
Si Mati ABD HAMID BIN KAMIS  
[No. K/P: 530310-02-5501 / 4412517 ]

..... PENGGADAI

Dalam menjalankan Perintah Pentadbir Tanah Kota Setar, Kedah yang diperbuat dalam perkara yang tersebut di atas bertarikh 17hb. Mac, 2025, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kota Setar, Kedah dengan dibantu oleh Jurulelong Awam Berlesen yang tersebut di bawah.

AKAN MENJUAL SECARA  
**LELONGAN AWAM**

PADA HARI RABU 21 HB MEI 2025  
JAM : 10.00 PAGI

DI PERKARANGAN PEJABAT TANAH KOTA SETAR,  
PERSIARAN TAMAN JUBLI EMAS, JALAN SUKA MENANTI,  
05150 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN.

NOTA: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik Secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong.

## **BUTIR-BUTIR HAKMILIK**

NO. HAKMILIK HARTANAH : GM 4426 (Dahulunya HSM 33/1990)  
NO. LOT : 3725 (Dahulunya PT 783)  
BANDAR/PEKAN/MUKIM : Bandar Alor Setar (Dahulunya Mukim Mergong)  
DAERAH / NEGERI : KOTA SETAR / KEDAH  
KELUASAN TANAH : 116 METER PERSEGI (1,249 kaki persegi)

CUKAI TANAH : RM45.00  
TARAF PEGANGAN : Selama-lamanya (Kekal)  
KAWASAN RIZAB : PENGISYTIHARAN REZAB MELAYU  
PEMILIK : ABD. HAMID BIN KAMIS  
(No. K/P: 4412517) – 1/1 Bahagian  
KEGUNAAN TANAH : BANGUNAN  
SYARAT NYATA : Rumah Berderet  
Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah  
digunakan sebagai tapak satu bangunan kediaman sahaja.  
BEBANAN : Di gadai kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor  
Awam melalui No. Perserahan 2883/1992, Jil.323 Fol. 35  
didaftarkan pada 6 Mei, 1992.  
SEKATAN KEPENTINGAN : Tiada.

### **LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH**

1. Hartanah ini merupakan **sebuah rumah teres 1 tingkat** dan terletak di kawasan perumahan yang dikenali sebagai Taman Mergong Indah, Jalan Sultanah Sambungan (Lebuhraya Sultanah Bahiyah), Alor Setar, Kedah Darul Aman.
2. Ia terletak kira-kira 5.4 kilometer ke barat-laut Bandaraya Alor Setar.
3. Kawasan perumahan yang terletak berdekatan dengan hartanah ini ialah Taman Permodalan, Taman Sri Hartamas, Taman Cencaru, Taman Arowana, Taman Kelisa, Taman Sri Puyu dan lain-lain.
4. Alamat Rumah: **NO. 136, TAMAN MERGONG INDAH, JALAN SULTANAH SAMBUNGAN, 05350 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN.**

**HARGA RIZAB : RM190,000.00**  
**(RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS SEMBILAN PULUH RIBU SAHAJA)**

Hartanah tersebut akan dijual tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM190,000.00** (Ringgit Malaysia: **SATU RATUS SEMBILAN PULUH RIBU SAHAJA**) dan kepada syarat-syarat jualan yang dicetakkan di Perisytiharan Jualan. Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit 10% (RM19,000.00) daripada **Harga Rizab** dalam bentuk **bank draft/cashier order** atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** pada hari lelongan awam (Jam 10.00 pagi). Baki keseluruhan 90 % hendaklah dijelaskan dalam tempoh 120 hari (tidak lewat dari tarikh 17/09/2025) kepada **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**. Jika gagal, bayaran 10 % dilucuthak dan tidak akan dikembalikan.

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan Tetuan **Shariful Azhar & Partners (Peguambela & Peguamcara)**, No. 38, Tingkat Bawah dan Atas, Jalan Dagangan 3, Pusat Bandar Bertam Perdana, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang [ No. Ruj.: SA/KB/LPPSA(PJ)4343/19-686/LTR-LO(2)/ELLA No. Talipon 04-5780041/5780042 atau Tuan Pentadbir Tanah Kota Setar, Kedah. Ruj Tuan.: PTKS/Q/124/2024 atau Jurulelong tersebut di bawah:-

**MOHAMMAD NOR BIN UMAR**  
**[MNU COMMERCIAL SERVICES]**  
No. 1903, Tingkat 2, Wisma Kasih Ibu, Jalan Stadium  
05100 Alor Setar, Kedah Darul Aman  
TEL: 04-7355678; **017-4743377**; FAX: 04-7355679  
Ruj. Kami: MNU/AUCT/25-02  
Email: [mymnor@gmail.com](mailto:mymnor@gmail.com)

**SYARAT-SYARAT JUALAN**  
**(PTKS / Q / 124 / 2024)**

1. PEMEGANG GADAIAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (SELEPAS INI DIRUJUK SEBAGAI “PEMEGANG GADAIAN”) MENJUAL HARTANAH INI MENGIKUT SUATU PERINTAH PEJABAT TANAH KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN (SELEPAS INI DIRUJUK SEBAGAI “PENTADBIR TANAH”) BERTARIKH 17 HB. MAC 2025 MENURUT SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965.
2. HARTANAH YANG AKAN DIJUAL ADALAH TERKANDUNG DALAM JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

| BANDAR/<br>PEKAN/<br>MUKIM                    | NO. LOT/<br>PETAK/ P.T.           | JENIS DAN NO.<br>HAKMILIK                | BAHAGIAN<br>TANAH<br>(JIKA ADA) | NO.<br>BERDAFTAR<br>PAJAKAN/<br>KECIL<br>(JIKA ADA) | NO. DAFTAR<br>GADAIAN<br>(JIKA ADA)        |
|---|-----------------------------------|--|---------------------------------|---|--|
| BANDAR<br>ALOR<br>SETAR<br>(Mukim<br>Mergong) | LOT 3725<br>(dahulunya PT<br>783) | GM 4426<br>(Dahulunya GM<br>HSM 33/1990) | KESEMUA                         | TIADA   | NO. PER.:<br>2883/1992 Jil.<br>323 Fol. 35 |

BERSERTA SEBUAH RUMAH TERES 1 TINGKAT YANG BERALAMAT **NO. 136, TAMAN MERGONG INDAH, JALAN SULTANAH SAMBUNGAN, 05350 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN** (SELEPAS INI DIRUJUK SEBAGAI “HARTANAH TERSEBUT”).

3. PENAWAR-PENAWAR YANG INGIN MEMBUAT TAWARAN ADALAH DIKEHENDAKI MENDAFTAR DIRI MEREKA DAN MENDEPOSITKAN DENGAN PENTADBIR TANAH SEBANYAK **10%** DARIPADA HARGA RIZAB (SELEPAS INI DIRUJUK SEBAGAI “DEPOSIT TERSEBUT”) YANG DITETAPKAN DENGAN BANK DERAF/CASHIER ORDER ATAS NAMA PEMEGANG GADAIAN [LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM].
4. SESIAPA YANG INGIN MEMBUAT TAWARAN DI DALAM LELONGAN AWAM BAGI PIHAK ORANG PERSENDIRIAN, BADAN-BADAN BERKANUN ATAU SYARIKAT DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN KEPADA PENTADBIR TANAH SEBELUM LELONGAN DIMULAKAN PADA HARI LELONGAN AWAM, SATU SURAT DARIPADA PIHAK ORANG PERSENDIRIAN, BADAN-BADAN BERKANUN ATAU SYARIKAT YANG MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU TELAH DIBERI KUASA UNTUK MEWAKILI MEREKA UNTUK MEMBUAT TAWARAN DAN MENANDATANGANI SEMUA DOKUMEN-DOKUMEN BERKENAAN DALAM LELONGAN AWAM INI TERTAKLUK KEPADA SYARAT BAHAWA JIKA HARTANAH TERSEBUT ADALAH TANAH SIMPANAN MELAYU/LOT UNTUK ORANG MELAYU HANYA ORANG MELAYU SAHAJA DIBENARKAN UNTUK BERTINDAK SEBAGAI EJEN/WAKIL.
5. PENAWAR-PENAWAR YANG MENDAFTARKAN DIRI DAN MENGEMUKAKAN DEPOSIT TERSEBUT MENURUT SYARAT 3 DI ATAS ADALAH DIANGGAP TELAH BERSETUJU UNTUK MEMATUHI / TERTAKLUK KEPADA SEGALA SYARAT-SYARAT JUALAN INI.
6. PENAWAR-PENAWAR HENDAKLAH MENGENALPASTI HARTANAH TERSEBUT DAN BUTIR-BUTIR MENGENAI HARTANAH TERSEBUT ADALAH TEPAT DAN PENTADBIR TANAH / JURULELONG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMASTIKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT MENGENAI HARTANAH TERSEBUT YANG DIPERUNTUKKAN DALAM LELONGAN AWAM INI ADALAH TEPAT.
7. SEMUA PENAWAR YANG BERNIAT TERMASUK PEMBELI ADALAH DIANGGAP TELAH PUN MEMBACA, MEMAHAMI DAN MENGAKUI SYARAT-SYARAT JUALAN INI SEBELUM JUALAN LELONGAN AWAM DIMULAKAN.

8. WARGANEGARA ASING DAN ORANG YANG DISYTIHARKAN MUFLIS **TIDAK DIBENARKAN MEMBUAT TAWARAN.**
9. TIADA TAWARAN YANG BOLEH DIKEMUKAKAN KURANG DARIPADA HARGA RIZAB YANG DITETAPKAN OLEH **PENTADBIR TANAH** UNTUK **HARTANAH TERSEBUT** DAN TAWARAN TIDAK BOLEH DITARIK BALIK DALAM APA JUGA KEADAAN PADA MASA LELONGAN AWAM INI.
10. PEMEGANG GADAIAN ADALAH BEBAS UNTUK MEMBUAT TAWARAN DALAM LELONGAN AWAM INI DAN SEKIRANYA BERJAYA DAN MENJADI **PEMBELI**, PEMEGANG GADAIAN HENDAKLAH MENOLAK **HARGA BELIAN** DENGAN HUTANG **PENGGADAI/DI BAWAH GADAIAN** ATAS **HARTANAH TERSEBUT** SETAKAT HARI LELONGAN AWAM INI BERSERTA DENGAN KOS DAN PERBELANJAAN LELONGAN AWAM. PENOLAKAN SEDEMIKAN MERUPAKAN PEMBAYARAN **HARGA BELIAN** YANG SEMPURNA DI DALAM PERJANJIAN INI.
11. PEMEGANG GADAIAN HENDAKLAH MENYEDIA DAN MEMBERIKAN KEPADA **PENTADBIR TANAH** DAN **PENGGADAI** SECEPAT MUNGKIN SELEPAS TARIKH LELONGAN AWAM INI SUATU PENYATA BAYARAN-BAYARAN YANG KENA DIBAYAR SETAKAT TARIKH LELONGAN AWAM ADALAH DALAM BORANG 16Q.
12. **PENTADBIR TANAH** TIDAK TERIKAT UNTUK MENERIMA TAWARAN YANG TERTINGGI DAN MEMPUNYAI KUASA ATAU BUDIBICARA UNTUK MENOLAK SEBARANG BAYARAN DAN MELELONG SEMULA **HARTANAH TERSEBUT**. UNTUK TUJUAN SYARAT INI, KEPUTUSAN **PENTADBIR TANAH** ADALAH MUKTAMAD.
13. TERTAKLUK KEPADA HARGA RIZAB DAN JIKA DIBENARKAN OLEH **PENTADBIR TANAH**, PENAWAR BAGI TAWARAN YANG TERTINGGI (SELEPAS INI DIRUJUK SEBAGAI "**HARGA BELIAN**") AKAN DIISYTIHARKAN SEBAGAI **PEMBELI HARTANAH TERSEBUT** (SELEPAS DIRUJUK SEBAGAI "**PEMBELI**").
14. JIKA **PEMBELI** MEMBERHENTIKAN PEMBAYARAN **DERAF BANK** ATAU **CASHIER ORDER** UNTUK **DEPOSIT TERSEBUT**, MAKA **HARTANAH TERSEBUT** HENDAKLAH DITARIK BALIK DARIPADA JUALAN ITU DAN PEMEGANG GADAIAN BERHAK MENUNTUT DARIPADA **PEMBELI**, KOS DAN GANTIRUGI (TERMASUK KOS JUALAN SEMULA, MENGIKUT MANA YANG BERKENAAN). PEMEGANG GADAIAN JUGA BERHAK MENUNTUT DARIPADA **PEMBELI** SATU JUMLAH WANG BERSAMAAN DENGAN **DEPOSIT TERSEBUT** KERANA **DEPOSIT TERSEBUT** SEPATUTNYA DIRAMPAS OLEH PEMEGANG GADAIAN AKIBAT KEINGKARAN **PEMBELI**.
15. SELEPAS JATUHNYA TUKUL, **PEMBELI** HENDAKLAH MENANDATANGANI MEMORANDUM KONTRAK JUALAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT INI PADA HARI LELONGAN AWAM INI DENGAN SERTA-MERTA.
16. PEMEGANG GADAIAN HENDAKLAH MENYELESAIKAN DENGAN SERTA-MERTA ATAU TIDAK LEWAT DARIPADA 30 HARI SELEPAS HARI LELONGAN AWAM SEGALA PERBELANJAAN-PERBELANJAAN JUALAN TERMASUK KOMISEN **PENTADBIR TANAH** DAN JURULELONG.
  - I) JIKA **PEMBELI** ENGGAN, GAGAL ATAU LALAI MENANDATANGANI MEMORANDUM KONTRAK JUALAN YANG DIRUJUKKAN DALAM SYARAT 15 DI ATAS, **DEPOSIT TERSEBUT** HENDAKLAH DIRAMPAS OLEH **PENTADBIR TANAH** AKIBAT KEINGKARAN **PEMBELI** DAN DIBAYAR KEPADA **PEMEGANG GADAIAN** SETELAH PERBELANJAAN JUALAN DIJELASKAN DAN **HARTANAH TERSEBUT** AKAN DITARIK BALIK DARI JUALAN TERSEBUT.
  - II)DALAM KEADAAN-KEADAAN YANG TERSEBUT DI ATAS. **PEMEGANG GADAIAN** BERHAK MENUNTUT DARIPADA **PEMBELI** KOS DAN GANTIRUGI (TERMASUK KOS JUALAN SEMULA BERSAMA DENGAN PENGURANGAN HARGA, JIKA ADA) YANG DIALAMI OLEH **PEMEGANG GADAIAN** AKIBAT JUALAN SEMULA ATAU TIDAK ADA JUALAN SEMULA, MENGIKUT MANA YANG BERKENAAN.

17. I) BAKI **HARGA BELIAN** BAGI HARTANAH TERSEBUT HENDAKLAH DIBAYAR OLEH PEMBELI KEPADA **PEMEGANG GADAIAN** DALAM **120 HARI** DARIPADA HARI LELONGAN AWAM (SELEPAS INI DIRUJUK SEBAGAI "**TARIKH PENYELESAIAN**") MELALUI DERAF BANK ATAU CASHIER ORDER.
- II) **TARIKH PENYELESAIAN** TIDAK BOLEH DILANJUTKAN DALAM APA-APA KEADAAN PUN.
- III) SEKIRANYA **PEMBELI** ENGGAN, GAGAL ATAU LALAI UNTUK MENYELESAIKAN BAKI **HARGA BELIAN** DALAM TEMPOH PENYELESAIAN, **DEPOSIT TERSEBUT** HENDAKLAH DIRAMPAS OLEH PEMEGANG GADAIAN DAN PEMEGANG GADAIAN BERHAK MENUNTUT DARIPADA PEMBELI KOS DAN GANTIRUGI.
18. PEMEGANG GADAIAN ATAU PENGUAMCARA HENDAKLAH :
- I) MENGESAHKAN SECARA BERTULIS KEPADA **PENTADBIR TANAH** DENGAN SERTAMERTA SELEPAS MENERIMA BAKI **HARGA BELIAN**: DAN
- II) MEMBERI KEPADA **PENTADBIR TANAH** SATU PENYATA AKAUN PENERIMAAN DAN BAYARAN DALAM TEMPOH 30 HARI SELEPAS BAKI **HARGA BELIAN** DITERIMA OLEHNYA.
19. I) **PEMEGANG GADAIAN** HENDAKLAH DALAM TEMPOH 14 HARI SELEPAS MENERIMA BAKI HARGA BELIAN MEMBAYAR SEMUA SEWA (SEKIRANYA ADA) KEPADA PIHAK BERKUASA NEGERI ATAU PEMBERI PAJAKAN (JIKA GADAIAN YANG BERKENAAN ADALAH GADAIAN KE ATAS PAJAKAN) DAN APA-APA TUNGGAKAN CUKAI TANAH DAN CUKAI PINTU SETAKAT HARI LELONGAN AWAM DARIPADA **HARGA BELIAN HARTANAH TERSEBUT**; DAN SELEPAS INI MEMBERI SALINAN-SALINAN RESIT UNTUK PEMBAYARAN TERSEBUT KEPADA **PEMBELI** ATAU PEGUAMCARANYA DALAM TEMPOH YANG SAMA.
- II) APA-APA BAYARAN YANG BERSANGKUTAN DENGAN URUSAN PINDAHMILIK SELEPAS DARI HARI LELONGAN AWAM ITU HENDAKLAH DITANGGUNG OLEH **PEMBELI**.
20. I) SETELAH PEMBELI MENYELESAIKAN KESELURUHAN BAKI HARGA BELIAN TERSEBUT, PIHAK PEMEGANG GADAIAN HENDAKLAH MEMBERI SALINAN-SALINAN YANG DI AKUI SAH PERINTAH-PERINTAH PERLETAKKAN (JIKA ADA), BORANG PENUKARAN NAMA DAN BORANG 13 AKTA SYARIKAT 1965 (JIKA ADA) DAN DOKUMEN-DOKUMEN LAIN KEPADA PEMBELI ATAU PEGUAMCARANYA.
- II) DUTI SETEM DAN FEE PENDAFTARAN UNTUK SIJIL JUALAN DAN BORANG 16I HENDAKLAH DIURUSKAN SENDIRI OLEH PEMBELI ATAU PEGUAMCARANYA DENGAN PEJABAT TANAH YANG BERKENAAN.
21. TERTAKLUK KEPADA PENJELASAN KOMISYEN KEPADA **PEJABAT TANAH**, SELEPAS MEMBAYAR BAKI **HARGA BELIAN** DALAM TEMPOH PENYELESAIAN, **PEMBELI** BERHAK MENERIMA DARIPADA **PENTADBIR TANAH** DOKUMEN-DOKUMEN BERIKUT DALAM TEMPOH 14 HARI DARIPADA TARIKH PEMEGANG GADAIAN MENERIMA BAKI **HARGA BELIAN**:-
- I) SIJIL JUALAN DALAM **BORANG 16 I** YANG BOLEH DIDAFTARKAN YANG DISEDIAKAN KEPADA **PEMBELI**; DAN
- II) SALINAN ASAL DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN **HARTANAH TERSEBUT** ATAU SALINAN PENDUA PAJAKAN, MENGIKUT MANA YANG BERKENAAN, DAN SALINAN PENDUA GADAIAN.

22. **PENTADBIR TANAH ATAU PEMEGANG GADAIAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI APA-APA KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN DISEBABKAN OLEH KEBAKARAN ATAU LAIN-LAIN KEMALANGAN ATAU SEBALIKNYA ATAS HARTANAH TERSEBUT DAN PEMBELI TIDAK BOLEH MEMBATALKAN MEMORANDUM KONTRAK JUALAN INI ATAS ALASAN BERLAKUNYA PERKARA-PERKARA YANG TERSEBUT TERDAHULU.**
23. **HARTANAH TERSEBUT ADALAH DIPERCAYAI DAN DIANGGAP DIPERIHALKAN DENGAN BETUL DAN DIJUAL DALAM KEADAAN SEDIA ADA, TERTAKLUK KEPADA SEMUA BEBANAN TERMASUK ISMEN, KAVEAT, TENANSI, TANGGUNGAN DAN HAK SEPerti DICATATKAN DI DALAM DOKUMEN HAKMILIK HARTANAH TERSEBUT DAN TIDAK ADA KESILAPAN KENYATAAN YANG SALAH ATAU DESKRIPSI YANG SALAH AKAN MEMBATALKAN PENJUALAN DAN TIDAK ADA BAYARAN GANTI RUGI YANG AKAN DIBUAT.**
24. **PEMEGANG GADAIAN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENGEMUKAKAN DAN MENYERAHKAN MILIKAN KOSONG HARTANAH TERSEBUT KEPADA PEMBELI.**
25. **PENAMA (NOMINEE) ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI SELEPAS JATUHNYA TUKUL. NAMA SEORANG PEMBELI YANG SAH SAHAJA DICATATKAN DI DALAM MEMORANDUM KONTRAK JUALAN.**
26. **JIKA BERLAKU APA-APA PERCANGGAHAN, KENYATAAN YANG SALAH ATAU KESILAPAN YANG TERDAPAT DI DALAM TERJEMAHAN BAHASA-BAHASA LAIN MENGENAI BUTIR-BUTIR DAN SYARAT-SYARAT DI DALAM INI, MAKA VERSI BAHASA MALAYSIA HENDAKLAH TERPAKAI.**
27. **SEKIRANYA TERDAPAT BAKI SETELAH DITOLAK DARIPADA HARGA BELIAN, SEGALA PERBELANJAAN JUALAN YANG TERMASUK KOMISEN PENTADBIR TANAH, FI DAN PERBELANJAAN PELELONG DAN HUTANG PENGGADAI, PEMEGANG GADAIAN HENDAKLAH MENYERAHKAN BAKI TERSEBUT KEPADA PENGGADAI DALAM TEMPOH 14 HARI DARIPADA TARIKH PENYELESAIAN.**
28. **LELONGAN AWAM INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA AKTA 1104/01 YANG TELAH DIKUATKUASAKAN MULAI 1.12.2001. DIMANA BORANG 16 I DIBERI KEPADA PEMBELI, SEBARANG KEPERLUAN UNTUK MEMPEROLEHI PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI BERKENAAN DENGAN SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN HARTA TERSEBUT ADALAH TIDAK TERPAKAI.**
29. **SEMUA PENAWAR YANG BERNIAT TERMASUK PEMBELI ADALAH DIANGGAP TELAH PUN MEMBACA, MEMAHAMI DAN MENGAKUI SYARAT-SYARAT JUALAN INI SEBELUM JUALAN LELONGAN AWAM DIMULAKAN.**
30. **WARGANEGARA ASING DAN ORANG YANG DISYTIHARKAN MUFLIS TIDAK DIBENARKAN MEMBUAT TAWARAN.**

## MEMORANDUM JUALAN

DALAM PENJUALAN SECARA LELONGAN AWAM PADA HARI RABU, **21HB. MEI, 2025**  
JAM 10.00 PAGI, HARTANAH YANG TERSEBUT DI DALAM PERINTAH JUALAN DIATAS,  
ADALAH DISAHKAN BAHAWA:

NAMA : .....

NO. K/P : .....

ALAMAT : .....

.....

ADALAH PEMBELI HARTANAH TERSEBUT TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT  
JUALAN DENGAN HARGA JUALAN RINGGIT MALAYSIA : .....

.....(RM : .....) )

DAN TELAH MEMBAYAR DEPOSIT 10% DARIPADA JUMLAH HARGA RIZAB SEBANYAK  
RINGGIT MALAYSIA : SEMBILAN BELAS RIBU SAHAJA..... (RM : **19,000.00**.....)

KEPADA PIHAK **PEMEGANG GADAIAN** DAN **PEMBELI** BERSETUJU UNTUK MEMBAYAR  
BAKI HARGA JUALAN DALAM TEMPOH **120 HARI** (Tidak lewat dari 17/09/2025) DARI  
TARIKH JUALAN LELONG.

HARGA JUALAN RM .....

DEPOSIT RM.....

BAKI RM .....

.....  
TANDATANGAN PEMBELI

NAMA:.....

NO. K/PENGENALAN : .....

.....  
PENTADBIR TANAH KOTA SETAR

(PTKS/Q/124/2024)

SAYA.....(NAMA)

.....(NO. KAD PENGENALAN) BAGI PIHAK PEMEGANG

GADAIAN DENGAN INI MENGESAHKAN PENJUALAN TERSEBUT DAN MENGAKU

MENERIMA DERAH BANK /CASHIER'S ORDER ..... BERNILAI

**RM19,000.00**..... IAITU DEPOSIT 10% DARIPADA HARGA RIZAB HARTANAH DIATAS.

DISAHKAN DAN DISAKSIKAN DIHADAPAN:

.....  
PEMEGANG GADAIAN  
Lembaga Pembiayaan Perumahan  
Sektor Awam

TARIKH: 21/05/2025

.....  
PEGUAM  
Shariful Azhar & Partners

.....  
Jurulelong Awam Berlesen  
Mohammad Nor Bin Umar